



## 896 anggota, pegawai APM Pahang bersedia hadapi bencana

Asrol Awang - Disember 1, 2022 @ 11:27am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang bersedia menggerakkan 896 pegawai dan anggotanya berikut cuaca buruk yang diramalkan. - Foto FB APM PAHANG

KUANTAN: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang bersedia menggerakkan 896 pegawai dan anggotanya pada bila-bila masa untuk menyalurkan bantuan jika negeri ini dilanda bencana berikut cuaca buruk yang diramalkan.

Pengaruhnya, Kolonel (PA) Che Adam A Rahman, berkata pihaknya tidak mengambil mudah ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan membuat persediaan untuk menggerakkan bantuan ke semua daerah.

"Walaupun hanya tiga daerah, iaitu Kuantan, Pekan dan Jerantut berdepan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang, persediaan tetap dilakukan di daerah lain.

Pemantauan berkala akan dibuat pegawai dan anggota APM di setiap daerah untuk memastikan kesiapsiagaan pada tahap terbaik.

"Keutamaan pemantauan juga lebih kepada kawasan rendah dan kawasan yang berisiko atau 'hot spot'. Pada masa sama, pemantauan dilakukan di kawasan berhampiran sungai untuk memastikan keselamatan.

"Bukan sahaja Kuantan, Jerantut dan pekan, malah daerah lain seperti Lipis, Temerloh dan Bentong turut diberikan perhatian," katanya ketika dihubungi, hari ini.

METMalaysia dalam kenyataan semalam, mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang berterusan di lapan negeri sehingga Ahad ini dan menasihatkan orang ramai bersedia menghadapi cuaca buruk itu.

Selain beberapa daerah di Pahang, cuaca buruk turut diramalkan melanda Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Che Adam berkata, sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut, sebanyak 81 kenderaan air, termasuk bot aluminium dan gentian kaca disediakan bagi operasi menyelamat mangsa banjir.

"Semua pegawai dan anggota kami sudah menjalani latihan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik sekiranya banjir. Bagi memantapkan operasi, kami turut berhubung rapat dengan komuniti setempat terutama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)," katanya.